

**Ucapan Alu-Aluan**  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak**  
**Sempena Sambutan Jubli Mutiara Jabatan Agama Islam Sarawak**  
**15 Ogos 2020 Bersamaan Di Masjid Darul Hana, Petra Jaya**

~~~~~

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته، بسم الله الرحمن الرحيم  
الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات، وبفضله تنزل الخيرات والبركات، وبتوفيقه تتحقق المقاصد والغايات  
اللهم صل على سيدنا محمد صلاة ترفعنا بها عندك أعلى الدرجات، وتبلغنا بها أقصى الغايات، وعلى آله  
وأصحابه أولي الفضل والدرجات.

- 1) Menjunjung kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib. Bagi pihak warga Jabatan Agama Islam Sarawak dan sekalian jemaah yang hadir pada malam ini, kaula menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan kerana sudi bersama kami dan rakyat sekalian untuk meraikan Sambutan Jubli Mutiara Jabatan Agama Islam Sarawak.
  
- 2) Untuk makluman Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, JAIS akan menyambut ulang tahun penubuhannya genap 30 tahun pada 17 Ogos 2020 dan ini merupakan hasil kebijaksanaan dan pandangan jauh kepimpinan negeri khususnya Tuan Yang Terutama Tun sendiri sejak tiga dekad yang lalu dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan hal ehwal Islam di Sarawak dalam keadaan terbaik dan berkesan.

- 3) Kaula juga amat berbesar hati kerana sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan bersempena Sambutan Jubli Mutiara JAIS ini sudah pasti akan menyerikan lagi majlis ini dan menjadi pembakar semangat kepada kami semua untuk terus berjuang demi mendaulatkan Islam dan demi kemakmuran negeri Sarawak Darul Hana yang tercinta ini. Mohon izin Tuan Yang Terutama Tun untuk kaula menyampaikan ucapan terima kasih kepada para hadirin.
  
- 4) Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang atas kesudian untuk hadir memeriahkan Sambutan Jubli Mutiara JAIS pada malam yang sungguh bermakna ini khasnya kepada kami warga JAIS dan umat Islam di seluruh negeri amnya. Sesungguhnya sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada kami oleh YAB Datuk Patinggi menjadikan kami lebih bersemangat dalam memastikan hal ehwal umat Islam di Sarawak disantuni dengan lebih baik.
  
- 5) Di sini kaula juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Jemaah Menteri, khasnya YB Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam dan DBKU) dan Menteri Muda Utiliti Sarawak, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak YBhg. Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Dif-Dif Kenamaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Anggota-Anggota Majlis Islam Sarawak, Anggota-Anggota Lembaga Fatwa, Anggota-Anggota Lembaga Baitulmal & Waqaf, Mantan Pengarah-Pengarah

JAIS, Ketua-ketua jabatan, Ketua-Ketua Masyarakat, Tuan-Tuan, Puan-Puan ahli jemaah dan tidak dilupakan semua warga JAIS yang dikasihi sekalian.

6) Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul bersama-sama di majlis yang bersejarah ini. Kita di JAIS merasa amat bertuah dan bersyukur kerana telah berjaya mengharungi pelbagai halangan dan rintangan selama 30 tahun penubuhannya. Kejayaan JAIS pada hari ini adalah kejayaan semua pihak. Justeru, kaula bagi pihak JAIS menyanjung tinggi dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pimpinan JAIS (antara yang dapat hadir bersama kita pada malam ini ialah YBhg Datu Haji Misnu bin Haji Taha yang telah menerajui JAIS selama satu dasawarsa, YBhg Dato Abg Haji Mohd Atei Medaan, YBhg Datu Haji Wan Kassim bin Tuanku Zubair, YBhg. Tuan Haji Abg Shamsudin bin Abg Seruji dan YBhg Tuan Haji Ismail bin Haji Mohd Hanis) dan seluruh warga JAIS serta semua rakan kongsi strategik JAIS khususnya Pertubuhan-Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan yang telah sama-sama berganding bahu demi meningkatkan kecemerlangan JAIS.

7) Firman Allah Subhanahuwataala dalam surah Aali Imran ayat 104;

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Dan hendaklah ada di antara kamu satu golongan yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala perkara yang mungkar. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.

- 8) Bertitik tolak daripada sumber yang paling berotoriti ini, maka kepimpinan Islam di Sarawak telah berusaha mengorak langkah untuk menyebarkan ajaran dan membangunkan masyarakat Islam di Sarawak secara lebih sistematik dan berwawasan. Dengan mengambil kira bahawa masyarakat Islam di Sarawak adalah sekadar secukupnya dalam segantang, maka usaha-usaha berkenaan dijalankan dengan berhati-hati dan berhikmah tetapi penuh strategik dan efektif.
- 9) Berkat kebijaksanaan kepimpinan negeri 30 tahun yang lalu, khususnya Tuan Yang Terutama Tun yang pada ketika itu menjawat jawatan Ketua Menteri Sarawak dan YAB Ketua Menteri sekarang merupakan anggota kabinet negeri pada ketika itu, cadangan penubuhan JAIS telah diluluskan oleh Kabinet Kerajaan Negeri Sarawak pada 17 November 1988 dan telah mula beroperasi dengan rasminya pada 17 Ogos 1990 di Bangunan Majlis Islam Sarawak dan Bangunan Mahkamah Syariah.
- 10) Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah Subhanahuwataala, setelah tiga dekad berlalu, Jabatan Agama Islam Sarawak telah berkembang pesat bermula dengan hanya 178 jawatan pada tahun 1990, kini berjumlah 477 jawatan dengan peruntukan kewangan yang banyak bagi menggerakkan operasi JAIS di seluruh negeri.
- 11) JAIS berbangga kerana sejak 30 tahun lalu sehingga kini, warga JAIS telah menyumbang khidmat bakti mereka kepada umat Islam di Sarawak dari Telok Melano, Lubok Antu, Long Busang, Sg Asap, Long Lama hingga ke Merapok di Utara walaupun menghadapi

pelbagai jenis halangan dan kekangan dalam memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan berkesan. Malah kewibawaan warga JAIS telah diterima dan dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan amalan-amalan Islam. Kecemerlangan seluruh warganya ini telah meningkatkan citra JAIS sebagai sebuah institusi kerajaan Negeri Sarawak yang dikenali.

- 12) Pada 10 tahun pertama penubuhannya (1990-2000), JAIS telah memfokuskan kepada pengukuhan organisasi, pembangunan pendidikan Islam dan menguatkuasakan ordinan.
- 13) Manakala pada dasawarsa kedua (2001-2010) pula, JAIS mula mengorak langkah menyahut seruan pengamalan kerajaan elektronik, melaksanakan inisiatif-inisiatif kualiti dalam perkhidmatan serta mampu menganjurkan program-program besar seperti Persidangan Antarabangsa Sains Islam dan Multaqa Ulama sedunia.
- 14) Pada dasawarsa ketiga (2011-2020) pula, memperlihatkan JAIS semakin berkembang dalam penyampaian perkhidmatan dengan penstrukturan semula organisasi melalui pengukuhan perjawatan dan pembukaan beberapa bahagian baharu. Dalam dekad ketiga ini juga usaha transformasi JAIS telah mendapat pengiktirafan di peringkat negeri dan kebangsaan. Antaranya ialah Qari dan Qariah negeri telah menjulang nama Sarawak di persada dunia dan negara termasuk dalam bidang hafazan, tempat terbaik dalam penganjuran Kursus Pra Perkahwinan Kebangsaan, agensi Islam pertama dalam Malaysia mengaplikasikan Balanced Scorecard dan

5S, Anugerah Lima (5) Bintang untuk Laman Web Agensi, Tempat Ketiga Masjid Terbaik Kebangsaan – Masjid Darul Ehsan, Piasau, Miri, Anugerah Best Practices Negeri Sarawak dalam SOP Penguatkuasaan (2017) dan jabatan ketujuh terbaik Negeri Sarawak dalam Audit Indeks Akauntabiliti dengan pencapaian Lima (5) Bintang pada tahun 2019.

- 15) Pengiktirafan yang telah diterima oleh JAIS sepanjang tiga (3) dekad membuktikan pada usia sebegini JAIS sudah mampu terkehadapan dan mendahului dari dalam beberapa aspek. Inilah citra yang telah kita bina bersama-sama hasil jerih-perih perjuangan para perintis di kalangan Pengarah dan kakitangan JAIS terdahulu.
- 16) Sempena menyambut Semarak 30 Tahun JAIS, kaula berharap semua warga JAIS dapat melaksanakan pelbagai program dan aktiviti agar penghayatan penubuhan JAIS akan terus bersemarak sempena Sambutan Jubli Mutiara pada tahun ini. Kaula juga ingin memaklumkan dalam majlis ini nanti logo JAIS akan disempurnakan pelancarannya oleh Tuan Yang Terutama Tun.
- 17) Bersempena dengan Sambutan Jubli Mutiara ini juga kami warga JAIS bertekad:
  - (a) Mengekal dan sentiasa berusaha memperkukuhkan Kesatuan Ummah dalam Aqidah, Syariah dan Akhlak bertunjangkan fahaman dan amalan Ahli Sunnah Wal-

Jama'ah Asya'irah dan Maturidiyah melalui kerja-kerja dakwah yang berkesan serta berterusan.

- (b) Menyemarakkan pengembangan, penyampaian dan pengamalan ilmu dari buaian hingga ke liang lahad, satu ketaklifu jabatan dan ummah dalam membentuk masyarakat beriman, berilmu, berakhlak dan bertamaddun selaras dengan Visi Jabatan 'Islam Amalan Hidup'.
- (c) Memfokuskan Masjid sebagai Pusat Kecemerlangan Ummah yang berfungsi sebagai satelit dalam sistem pemukiman yang berupaya menjadi *Pebbles Point of Impact* dalam masyarakat.
- (d) Jabatan Agama Islam Sarawak sebagai Duta Integriti dalam pengurusan dan perkhidmatan Awam. Menghayati Visi, Misi & Moto Jabatan, Nilai Bersama Jabatan & Perkhidmatan Awam. Semua warga JAIS akan bergerak ke arah matlamat yang sama dengan kaedah yang seragam.
- (e) Mengadaptasikan Model Kesatuan Piagam Madinah dalam menghayati kehidupan kepelbagaian dengan menyantuni semua golongan termasuk rakan dari agama-agama lain serta sentiasa turut serta dalam membina sebuah negeri dan negara yang makmur, harmoni, maju dan sejahtera di bawah konsep *Baldatun Toyyibatun wa Rabbun Ghafur*.
- (f) Mengemudi Pengurusan Tauhidik dengan mengambil Model Pengurusan *Business Excellence* sebagai kerangka kerja

berasaskan kriteria - Kepimpinan Berwawasan, Perancangan berstrategi, Pengurusan Ilmu & Maklumat, Keutamaan Suara & Kepuasan Pelanggan, Kesejahteraan & pembangunan ilmu Warga Kerja & Keterlibatan serta perancangan, Prakarsa Proses Pengurusan & Rakan Pembekal, Keutamaan Pelanggan & Orientasi Keberhasilan Pelanggan, Proses, Sumber, Kewangan & Pasaran.

- (g) Membudayakan Amalan Fastabaqul Khairat dengan membawa amalan *Corporate Social Responsibility (CSR)* dalam aktiviti *social engagement* JAIS bersama masyarakat & Ummah.
- (h) Menyokong penuh dasar Kerajaan Digital dengan mengamalkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada ummah secara dalam talian, mudah akses dan usaha Dakwah Siber akan diperluas dan diperaktifkan.
- (i) Membangun Data Raya jabatan bagi mencapai ketepatan dan ketinggian kualiti dalam membuat keputusan dan cadangan penambahbaikan serta pengurusan terbaik.
- (j) Memperkukuhkan jabatan dengan Pengurusan Kualiti melalui pengamalan inisiatif seperti SCS Scorecard, ISO, EKSA, KIK, KFA dan memastikan Pelan Strategik 2019-2023 dilaksanakan berdasarkan KPI dan Piagam yang telah digariskan.
- (k) Penyesuaian Norma Baharu dalam pengendalian urusan hal ehwal Islam, dakwah, keluarga, nikah kahwin, komuniti,



masjid, pendidikan, penguatkuasaan, ekonomi, halal, perundangan Syariah dan lain-lain berdasarkan SOP-SOP yang telah ditetapkan dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19 dalam negeri.

- 18) Kaula berharap majlis sebegini dapat memberikan kesedaran untuk kita sama-sama bersyukur dengan segala nikmat yang telah dikecapi oleh JAIS dan merenung kembali sejarah penubuhan JAIS ini yang unik dan istimewa. Semoga penghayatan terhadap Visi, Misi dan matlamat penubuhan JAIS tercinta ini akan terus menjadi azimat untuk kami warga JAIS bagi meraih banyak lagi kecemerlangan pada masa akan datang selaras dengan amanat Tuan Yang Terutama Tun dahulu, “... *we have seen great changes among the Muslim population in Sarawak. They become more educated, their economic position has been much better improved and the concensious among them to look after their affairs in a much closer way has been quite evident. Because of that, therefore, the Muslims of Sarawak has chosen to arrange their own affairs to include ways of improving their economic position in as far as possible and to make sure that the administration of their affairs can be done in a viable way*”. (petikan daripada Penyata Rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak 6 November 2001: 26).
- 19) Sekali lagi kaula menjunjung kasih Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, Sekali lagi kaula ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Ketua Menteri kita (khasnya kerana telah meluluskan peruntukan yang banyak untuk kami mengadakan aktiviti-aktiviti bagi menyambut Ulang

Tahun Ke-30 penubuhan jabatan kami ini walaupun dengan kekangan disebabkan oleh Pandemik COVID-19) serta Yang Amat Berbahagia Datuk Amar, terima kasih YB Menteri-Menteri, terima kasih YB Menteri kami, terima kasih Datu Yang Dipertua MIS yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat berguna kepada kami warga JAIS, terima kasih Dif-Dif Kenamaan serta terima kasih semua hadirin.

- 20) Mohon ampun dan maaf atas segala kekurangan dan kekhilafan, sekian, wabillahit taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.